

Um. 7/6/06 Don-10/agen
(Rabu)

Pemaju, konsultan wajib sedia EIA sendiri

PUTRAJAYA 6 Jun - Kerajaan mungkin mewajibkan syarikat pemaju dan konsultan menyediakan serta meluluskan sendiri laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) ke atas projek-projek yang ingin dibangunkan.

Mereka juga perlu bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau tragedi yang tidak diinginkan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, langkah tersebut bertujuan mengupayakan (*empower*) semua konsultan yang dilantik oleh syarikat pemaju agar dapat bertanggungjawab ke atas EIA yang disediakan.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada dasarnya menyokong cadangan itu dan ia adalah antara perkara-perkara yang akan dimasukkan dalam pindaan Akta Kawalan Alam Sekitar 1974 tidak lama lagi.

"Dengan kata lain, sekiranya cadangan berkenaan diterima, pemaju dan konsultan akan menyediakan dan meluluskan sendiri EIA

masing-masing tetapi sekiranya berlaku apa-apa mereka mesti bertanggungjawab dan dikenakan denda dan hukuman berat termasuk penjara mandatori.

"Selama ini kita dapati banyak sangat tuduhan dilemparkan ke atas Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang meluluskan EIA, setiap kali berlaku sesuatu kejadian.

"Tuduhan yang sama dikenakan ke atas majlis tempatan atau majlis daerah yang meluluskannya walhal sepatutnya tanggungjawab terus kepada pihak yang memajukan dan pihak perunding profesional terlibat," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di sini hari ini.

Semalam kementerian tersebut merumuskan kejadian tanah runtuh di sekitar Hulu Klang termasuk di Kampung Pasir minggu lalu berpunca daripada kegagalan pihak berkuasa tempatan (PBT) mematuhi garis panduan pembangunan tanah tinggi.

Menurut Azmi lagi, dengan cara

Selama ini banyak sangat tuduhan dilemparkan ke atas Jabatan Alam Sekitar yang meluluskan EIA, setiap kali berlaku sesuatu kejadian

AZMI KHALID
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



AZMI KHALID

itu juga semua permohonan untuk kelulusan alam sekitar tidak lagi perlu menunggu lama kerana selama ini pemaju kerap kali mengadu kelulusan EIA mengambil masa setahun atau dua tahun.

JAS pula katanya, tidak akan membuat kajian yang terlalu mendalam ke atas laporan berkenaan kerana ia memakan masa, sebaliknya akan memantau bagi memastikan projek pembangunan yang dijalankan itu tidak menjejaskan alam sekitar.

"Kita akan tentukan apa yang tak boleh dilakukan yang menjejaskan alam sekitar dan sesiapa sahaja yang buat sesuatu yang jejakkan alam sekitar akan dikenakan tindakan," tegasnya.

Menurutnya, pendekatan yang sama telah dimulakan oleh Ke-

menterian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Pendaftar Syarikat dan didapati berkesan.

Antara cadangan lain kata beliau, ialah apa sahaja pembangunan tidak kira di kawasan seluas mana perlu menyediakan laporan EIA berbanding peraturan sekarang yang mewajibkan pembangunan meliputi kawasan seluas 50 hektar ke atas sahaja perlu dirujuk kepada JAS.

Perdana Menteri juga menurut Azmi mahu JAS lebih tegas dalam sebarang tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan yang melibatkan alam sekitar termasuk penjaran mandatori bukan sahaja ke atas syarikat terlibat tetapi juga mereka di belakang syarikat itu sendiri.

"Walaupun akta memperuntukkan hukuman denda maksimum

RM200,000 tetapi apabila ke mahkamah mereka hanya dikenakan denda RM5,000 sahaja dan pihak yang melakukan kesalahan dengan 'senyum' ke bank, menjelaskan denda berkenaan," katanya.

Bertindak tegas PBT gagal patuhi garis panduan

KUALA LUMPUR 6 Jun - Pemuda UMNO dan FOMCA mahu kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) jika terbukti mereka gagal mematuhi garis panduan pembangunan tanah tinggi.

Malah, mereka mahu kementerian yang berkaitan juga dipersalahkan kerana lalai dalam tugas-tugas pemantauan yang menjadi bidang tugas mereka.

Pengerusi Biro Pengaduan Awam Pemuda UMNO, **Datuk Subahan Kamal** berkata, kedua-dua pihak terabit sepatutnya dipersalahkan jika berlaku sesuatu kejadian tanah runtuh.

Katanya, ini kerana mereka sepa-

lutnya bekerjasama dari sudut pemantauan dan pelaksanaan garis panduan yang telah ditetapkan.

"Kementerian sebagai 'bapa' tidak patut lepas tangan dan menuding jari ke arah PBT.

"Mereka juga sebenarnya harus 'turun padang' dalam memantau perjalanan setiap projek serta sentiasa memberi peringatan kepada PBT di satu-satu kawasan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Berikutan tragedi itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semalam merumuskan bahawa ia berpunca daripada kegagalan PBT untuk mematuhi garis panduan pembangunan tanah tinggi.

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **N. Marimuthu** berpendapat, Yang Dipertua PBT harus dipersalahkan kerana kelulusan terakhir sesuatu projek itu terletak di bawah kuasa mereka.

"Sebelum meluluskan sesuatu projek, mereka sepatutnya mengkaji dengan mendalam kesan kepada penduduk setempat dan alam sekitar," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau turut mengaitkan kes itu dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menuntut pemimpin dan pegawai berhenti berkhidmat sekiranya gagal mencapai misi dan visi kerajaan.